

SOALAN LAZIM BERKAITAN OPERASI KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA (KPJKS) SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

(bagi kegunaan pemegang lesen / pemegang perakuan pendaftaran KPJKS)

A. SURAT KKM87/A2/100-2/0 JLD.2 (16)

1. Apa yang perlu dilakukan sekiranya saya perlu mengubah waktu operasi klinik kerana wabak COVID-19?

Pemegang perakuan pendaftaran perlu menghantar notifikasi melalui emel ckaps@moh.gov.my dengan menyatakan butiran seperti berikut:

- (a) Nama fasiliti;
- (b) Alamat fasiliti;
- (c) Sebab perubahan waktu operasi;
- (d) Butiran perubahan waktu operasi; dan
- (e) Nama dan no telefon (pemegang perakuan / pemegang lesen).

Pemegang perakuan pendaftaran klinik swasta yang berkenaan perlu meletakkan **notis pemberitahuan** di pintu masuk klinik.

2. Apa yang perlu dilakukan sekiranya saya perlu menutup klinik kerana wabak COVID-19?

Prosedur seperti di soalan 1 adalah terpakai.

3. Adakah semua klinik perubatan swasta perlu menutup klinik sepanjang tempoh Perintah berkenaan?

Sektor kesihatan dikecualikan daripada arahan penutupan bawah Perintah tersebut. Klinik perubatan swasta boleh beroperasi sekiranya boleh mematuhi keperluan berikut:

- (a) Mempunyai kakitangan terlatih dan berpengetahuan dari segi tatacara pengendalian kes-kes COVID-19 dan kawalan jangkitan;
- (b) Mempunyai personal protective equipment (PPE) yang mencukupi;
- (c) Mempunyai kebolehan termasuk mempunyai staf yang mencukupi bagi melaksanakan kawalan jangkitan selaras dengan ketetapan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 serta garis panduan yang berkaitan; dan
- (d) Tidak mempunyai risiko yang tinggi untuk dijangkiti COVID-19 seperti faktor usia atau mempunyai *comorbidities*.

4. Adakah surat tersebut terpakai kepada pusat hemodialisis dan hospital swasta?

Tidak. Surat tersebut hanya terpakai bagi klinik perubatan swasta, klinik pergigian swasta, pusat jagaan ambulatori swasta dan rumah bersalin swasta sahaja.

5. Bolehkah pusat hemodialisis mengubah waktu operasi atau menutup premis?

Pusat hemodialisis swasta perlu mengikut waktu operasi sedia ada. Sekiranya ada pesakit atau staf disyaki menghidap COVID-19, premis perlu mendapatkan syor daripada pakar nefrologi.

6. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) / Kerajaan negeri telah mengeluarkan arahan supaya waktu operasi klinik saya dihadkan mengikut waktu tertentu. Adakah saya perlu mematuhi arahan tersebut walaupun saya menyediakan perkhidmatan *essential*? Adakah saya perlu menghantar notifikasi kepada CKAPS?

Klinik swasta disarankan supaya mematuhi arahan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) / Kerajaan Negeri, contohnya Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak menetapkan klinik swasta hanya dibenarkan beroperasi dari jam 7 pagi – 7 malam sahaja. Klinik swasta tidak perlu mengemukakan notifikasi kepada CKAPS HQ, memadai CKAPS JKN/WP mengemukakan perintah yang dikeluarkan oleh PBT/ Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, klinik perlu beroperasi seperti waktu operasi yang didaftarkan setelah tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

B. PROSEDUR SARINGAN COVID-19

7. Fasiliti manakah yang boleh menjalankan ujian saringan COVID-19?

Sila rujuk garis panduan rasmi KKM terkini di capaian http://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Garis%20Panduan/Pengurusan%20KEsihatan%20&%20kawalan%20pykit/2019-nCOV/Bil%204%20%202020/Annex%202c%20Screening%20&%20Triaging_26022020.pdf (**Annex 2C**) berkenaan **tatacara saringan pesakit** yang disyaki menghidap COVID-19 (seperti di **Lampiran**).

8. Bolehkah klinik perubatan swasta menjalankan ujian saringan COVID-19?

Klinik perubatan swasta boleh menjalankan ujian saringan tersebut sekiranya dapat mematuhi perkara-perkara berikut:

- (a) Mempunyai kakitangan terlatih dan berpengetahuan dari segi tatacara pengendalian kes-kes COVID-19 dan kawalan jangkitan;
- (b) Mempunyai *personal protective equipment (PPE)* yang mencukupi;
- (c) Mempunyai kebolehan termasuk mempunyai staf yang mencukupi bagi melaksanakan kawalan jangkitan selaras dengan ketetapan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 serta garis panduan yang berkaitan; dan
- (d) Tidak mempunyai risiko yang tinggi untuk dijangkiti COVID-19 seperti faktor usia atau mempunyai *comorbidities*.

Walau bagaimanapun, sekiranya pihak klinik tidak dapat mematuhi perkara-perkara di atas, disarankan supaya mematuhi garis panduan seperti yang digariskan di perkara 7.

9. Bagaimanakah cara bagi *General Practitioners (GP)* mendapatkan PPE?

Semua KPJKS boleh berhubung dengan *Malaysian Medical Associations* yang boleh membantu bagi mendapatkan bekalan PPE di <https://register.emedasia.com/jw/web/userview/KoopDoctor/userRegistration/registration>. Pendaftaran adalah percuma dengan syarat mengemukakan Salinan Borang B/C/F/G/4 atau 7 yang sah.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan melalui emel yang dinyatakan di laman sesawang tersebut.

10. Bagaimanakah cara bagi *GP* mendapatkan latihan menggunakan PPE?

Semua KPJKS boleh berhubung dengan *Malaysian Medical Associations* berkaitan sesi latihan yang dianjurkan oleh MMA termasuk menyertai webinar dan sebagainya.

11. Bolehkah *GP* membuka klinik sekiranya tidak mempunyai PPE yang mencukupi?

Secara dasarnya, sektor kesihatan dikecualikan daripada arahan penutupan bawah Perintah tersebut. Walau bagaimanapun, PPE yang tidak mencukupi boleh mendedahkan pengamal perubatan serta kakitangan klinik kepada

jangkitan COVID-19. Sekiranya dijangkiti COVID-19, pengamal perubatan tersebut serta kakitangan klinik, berpotensi menyebarkan jangkitan kepada ahli keluarga dan pesakit lain di klinik tersebut.

Pada masa yang sama, klinik perubatan swasta digalakkan untuk membantu mengurangkan beban yang ditanggung oleh klinik kesihatan kerajaan, antara lain klinik perubatan swasta **boleh** merawat pesakit yang tidak mempunyai simptom-simptom yang COVID-19 (simptom COVID-19 contohnya seperti demam, batuk, sakit tekak, *arthralgia*, *myalgia*, cirit birit, muntah-muntah atau sakit perut).

12. Bolehkah GP meletakkan notis di hadapan klinik bahawa kes-kes demam dan *upper respiratory infection* tidak dirawat di klinik tersebut sekiranya klinik tidak dapat mematuhi kriteria di soalan 8?

Merujuk kepada **Annex 2C, Guideline COVID-19 Management No. 4/2020 (updated 26 February 2020) (seperti di Lampiran)** sekiranya klinik tidak dapat menyediakan keperluan atau melaksanakan prosedur seperti dalam garis panduan tersebut, klinik boleh meletakkan notis sedemikian dan meminta pesakit yang mempunyai *upper respiratory infection* supaya mendapatkan rawatan di klinik kesihatan atau klinik swasta yang mempunyai kemudahan yang bersesuaian.

Walau bagaimanapun, perlu diambilkira bahawa terdapat kes COVID-19 yang mungkin mempunyai simptom lain juga seperti *arthralgia*, *myalgia*, cirit-birit, muntah-muntah atau sakit perut.

13. Sekiranya saya hanya mempunyai *face mask* dan *glove* sahaja tanpa *plastic gown*, bolehkah saya beroperasi?

Sekiranya klinik tersebut tidak menjalankan ujian saringan COVID-19, klinik boleh beroperasi dengan syarat boleh mematuhi keperluan di **Annex 2C, Guideline COVID-19 Management No. 4/2020 (updated 26 February 2020) (seperti di Lampiran)**.

14. Bolehkah sekiranya GP yang terletak di dalam *shopping mall* ingin membuka khemah bagi menjalankan saringan di luar *shopping mall*?

Sekiranya klinik perubatan tersebut boleh mematuhi perkara-perkara yang dinyatakan di soalan 8 dan mematuhi tatacara saringan **Annex 2C, Guideline COVID-19 Management No. 4/2020 (updated 26 February 2020) (seperti di Lampiran)**, klinik perubatan tersebut boleh membuka khemah saringan berkenaan.

Walau bagaimanapun, pihak klinik perlu bersedia untuk menyediakan perkhidmatan kecemasan sekiranya berlaku *medical emergencies* serta kaedah pengangkutan pesakit yang bersesuaian. Khemah tersebut juga perlu disediakan di tempat yang bersesuaian, berhampiran di klinik berkenaan (contohnya bukan di kawasan perumahan).

15. Bolehkah KPJKS membuka khemah di luar klinik/ *shopping mall* bagi mengambil sampel terhadap pesakit yang *symptomatic*, bagi ujian makmal COVID-19?

Merujuk kepada **Annex 2C, Guideline COVID-19 Management No. 4/2020 (updated 26 February 2020) (seperti di Lampiran)**, KPJKS tidak dibenarkan membuka khemah di luar klinik/ *shopping mall* bagi mengambil sampel terhadap pesakit yang ***symptomatic***, bagi ujian makmal COVID-19.

16. Siapakah yang boleh mengeluarkan surat arahan bertugas kepada kakitangan klinik perubatan swasta sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?

Merujuk kepada **soalan 4, Soalan Lazim (FAQs) Berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan Kementerian Dalam Negeri** yang dikeluarkan pada 21 Mac 2020, majikan kepada *essential services* (awam atau swasta) perlu mengeluarkan surat arahan bertugas kepada setiap individu yang diarahkan bertugas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

Merujuk kepada **perkara 5, Sidang Media Khas - Perintah Kawalan Pergerakan (23 Mac 2020) YB Menteri Kanan (Pertahanan)**, bagi pihak swasta, surat kebenaran perlu dikeluarkan oleh **pihak majikan**.

17. Adakah klinik perubatan swasta dengan *aesthetic as area of interest* boleh beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?

Klinik perubatan swasta dengan *aesthetic as area of interest* didaftarkan dengan Kementerian Kesihatan sebagai **klinik perubatan swasta** yang mempunyai pengamal perubatan serta kakitangan yang berkaitan. Merujuk kepada Perintah Kawalan Pergerakan, sektor kesihatan merupakan salah satu perkhidmatan yang *essential* dan boleh beroperasi.

Pada masa yang sama, klinik perubatan swasta digalakkan membantu mengurangkan beban kerja di klinik kesihatan kerajaan. Oleh itu, perkhidmatan klinik perubatan swasta dengan *aesthetic as area of interest* boleh dibuka untuk menyediakan perkhidmatan perubatan yang *essential*, tetapi bukan untuk melakukan rawatan estetik.

C. KLINIK PAKAR DI DALAM HOSPITAL

18. Bolehkah klinik pakar di dalam hospital memendekkan tempoh operasi atau menutup klinik?

Pemegang lesen hospital perlu menghantar notifikasi melalui emel ckaps@moh.gov.my dengan menyatakan butiran seperti berikut:

- (a) Nama hospital;
- (b) Alamat hospital;
- (c) Klinik pakar yang terlibat;
- (d) Justifikasi perubahan waktu operasi;
- (e) Butiran perubahan waktu operasi; dan
- (f) Nama dan no telefon (pemegang lesen).

Permohonan ini akan disemak dan dikendalikan **mengikut case-to-case basis.**

D. STATUS PELESENAN KPJKS

19. Mengikut prosedur sedia ada, saya perlu mengemukakan permohonan pembaharuan lesen saya ke CKAPS JKN/WP dalam tempoh 6 bulan sebelum tamat tarikh luput lesen. Tarikh pengemukakan permohonan tersebut jatuh dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Adakah saya akan dikenakan denda fi lewat?

Tidak, tempoh Perintah Kawalan Pergerakan tersebut, **tidak akan diambil kira** untuk pengiraan tempoh bagi mengemukakan permohonan pembaharuan lesen iaitu 6 bulan sebelum tarikh sah lesen semasa berakhir. Tambahan masa akan diberikan selaras dengan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa.

20. Saya telah mengemukakan permohonan pembaharuan lesen tetapi lawatan pemeriksaan masih belum dijalankan. Saya bimbang perkara ini akan menjejaskan tarikh sah lesen saya kelak. Adakah tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini akan menjejaskan tarikh sah lesen saya?

Tidak, tempoh tersebut tidak akan menjejaskan tarikh sah lesen. Walau bagaimanapun, pihak KPJKS perlu memastikan pematuhan terhadap Akta 586 dan Peraturan-peraturannya, di mana berkaitan.

21. Saya telah mengemukakan permohonan pembaharuan lesen, lawatan pemeriksaan telah dijalankan tetapi saya masih belum mendapat kelulusan daripada Kementerian. Saya bimbang perkara ini akan menyebabkan tempoh tarikh sah lesen saya akan *lapsed*. Adakah tempoh tarikh sah lesen saya akan *lapsed*?

Tidak, tempoh tersebut tidak akan menyebabkan lesen *lapsed*. Walau bagaimanapun, pihak KPJKS perlu memastikan pematuhan terhadap Akta 586 dan Peraturan-peraturannya, di mana berkaitan.

22. Bagaimanakah cara untuk saya mendapat kebenaran bagi meneruskan kerja-kerja pembinaan bagi kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta?

Merujuk kepada soalan 4(c), Soalan Lazim (FAQ's) Berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan Kementerian Sumber Manusia, kerja-kerja naik taraf fasiliti di premis-premis perkhidmatan kritikal merupakan kerja-kerja kritikal yang boleh dikecualikan daripada Perintah Kawalan Pergerakan.

Merujuk kepada soalan 5, permohonan pengecualian tersebut perlu dikemukakan melalui emel, kepada Pejabat Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri, melalui surat rasmi beserta dokumen sokongan yang berkaitan, dan disalinkan kepada projkpp@mohr.gov.my.

Sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, boleh hubungi talian hotline 03-8886 6496 dan 03 8886 6497 atau emel mykpp@mohr.gov.my.

E. OPERASI CKAPS

23. Adakah kaunter CKAPS HQ dan CKAPS Negeri dibuka?

Selaras dengan arahan YAB Perdana Menteri pada 16 Mac 2020, semua urusan kaunter CKAPS ditangguhkan (**kaunter tutup**).

24. Adakah lawatan pra-pendaftaran atau pelesenan akan dijalankan?

Selaras dengan arahan YAB Perdana Menteri pada 16 Mac 2020, semua lawatan pra-pendaftaran dan pelesenan ditangguhkan.

25. Sekiranya terdapat keperluan mendesak, bagaimana saya boleh menghubungi CKAPS?

Bagi urusan penting / mendesak, CKAPS HQ (Putrajaya) boleh dihubungi melalui emel ckaps@moh.gov.my.

CAWANGAN KAWALAN AMALAN PERUBATAN SWASTA HQ
BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
18 MAC 2020
(kemaskini 23 MAC 2020)

SCREENING AND TRIAGING

1. PRIVATE FACILITIES

Private Clinic

- **Provide good visual signages** in all relevant languages requesting patients to declare symptoms, travel or contact with a confirmed case
- Through verbal and visual cues, identify those with respiratory symptoms and **offer masks and hand sanitizer**
- **Rapidly assess verbally** if the patient has epidemiological links that might qualify him/her as a PUI. (**refer to Annex 1**)
 - If uncertain, discuss with medical / Infectious disease specialist at nearest screening hospital
- If PUI
 - place patient in a pre-designated waiting area¹
 - Take patients identifiers (name, IC/passport, telephone number, address) for notification to PKD (and arranging transport if necessary)
 - Patient may use his/her own transport to nearest screening hospital (public transport not allowed)
 - If patient does not have private transportation, contact PKD for transport arrangement.
- After patient leaves – disinfect waiting area

¹Pre-designated area

- more than 1m away from other patients and staff
- minimal surrounding items to minimize items requiring disinfecting

Private Hospital

- **Provide good visual signages** in all relevant languages requesting patients to declare symptoms, travel or contact with a confirmed case
- Through verbal and visual cues, identify those with respiratory symptoms and **offer masks and hand sanitizer**
- **Clinically assess the severity** and whether the patient qualifies as a PUI (in isolation room using appropriate).
 - If uncertain, discuss with medical / Infectious disease specialist at nearest screening hospital
- If severe PUI
 - Contact admitting medical / ID specialist at Admitting Hospital to arrange for admission.
 - If case accepted, to contact PKD to arrange transportation.

- If mild PUI:
 - Take patients identifiers (name, IC/passport, telephone number, address) for notification to PKD (and arranging transport if necessary)
 - Patient may use his/her own transport to nearest screening hospital (public transport not allowed)
 - If patient does not have private transportation, contact PKD for transport arrangement.
- After patient leaves – disinfect isolation room
- If the patient does not fulfill PUI criteria, but clinical suspicion remains, take samples and send to designated private laboratories (Annex 4a)

2. GOVERNMENT FACILITIES

- Patients who come to the respective health facilities should be screened for suspected COVID-19 at triage.
- A special area should be set up for PUI of COVID-19, to which he / she can come directly and to be assessed there.
- The PUI should be managed by a dedicated team where possible.
- **WHEN SHOULD YOU SUSPECT COVID-19?**

COVID-19 is to be suspected when a patient presents to Triage Counter with the following:

Fever **OR** acute respiratory infection (sudden onset of respiratory infection with at least one of: shortness of breath, cough or sore throat)
AND
 Travel to Affected in the 14 days before the onset of illness **OR**
 Close contact¹ in 14 days before illness onset with a confirmed case of COVID-19

- Should a patient fulfill the description, to institute infection prevention and control measures as the following:
 - ✓ Place patients at least 1 meter away from other patients or health care workers. Clinics and Emergency Departments are to prepare an isolation area / room for patients.
 - ✓ Ensure strict hand hygiene for all clinic staffs and suspected patient.
 - ✓ Provide surgical mask to patients if not contraindicated.
 - ✓ Personal protective equipment as per recommendation should be worn at all times.
 - ✓ After the encounter, ensure proper disposal of all PPE that have been used

- ✓ Decontamination of the isolation area and equipments used should be done.
- A group of suspected PUI who come to any healthcare facilities in a specific vehicle (e.g. bus, van) should be contained in that vehicle until being evaluated by a dedicated team to minimize exposure to healthcare workers and other patients.

NOTE:

It is not always possible to identify patients with COVID-19 early because some have mild or unusual symptoms. For this reason, it is important that health care workers apply standard precautions consistently with all patients – regardless of their diagnosis in all work practices all the time.